



**PERMOHONAN KELULUSAN DI BAWAH SUBSEKSYEN 44(6) AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967**

Senarai semak : Tabung Pengurusan Rumah Ibadat bagi Masjid / Surau

- Sijil Perakuan Pendaftaran Masjid/Surau dengan Majlis Agama Islam Negeri;
- Senarai Ahli Jawatankuasa Masjid/Surau/Jawatankuasa sementara (kawasan baru) yang lengkap dengan nama, alamat, no.kad pengenalan, pekerjaan dan jawatan yang disandang dalam j/kuasa tersebut (kemukakan surat pelantikan oleh Majlis Agama Islam Negeri)
- Senarai ahli Jawatankuasa Tabung Pengurusan Rumah Ibadat yang menyatakan nama, alamat penuh, nombor kad pengenalan, pekerjaan, nama dan alamat majikan/perniagaan dan jawatan yang dipegang dalam jawatankuasa (sebagaimana format yang dilampirkan);
- Penyata Akaun Bank bagi Tabung Pengurusan Rumah Ibadat (dari mula akaun dibuka sehingga terkini);
- Ketetapan / minit mesyuarat yang memutuskan penubuhan Tabung Pengurusan dan juga perlantikan ahli-ahli Jawatankuasa tersebut;
- Kaedah-kaedah atau Undang-Undang Kecil (Rules or By-Laws) penubuhan Tabung Pengurusan Rumah Ibadat (sebagaimana format yang dilampirkan);
- Ketetapan / minit mesyuarat yang meluluskan Kaedah-Kaedah atau Undang-Undang Kecil Tabung Pengurusan;
- Surat pengesahan dari Jabatan Agama Islam Negeri yang meluluskan pengurusan atau pemungutan derma bagi pengurusan tersebut;
- No Fail cukai pendapatan di bawah TF: .....
- Pengesahan mengenai jumlah bantuan kewangan yang diterima atau dijanjikan oleh pihak Kerajaan atau lain-lain punca, jika ada.
- Saya mengakui bahawa maklumat/dokumen yang dikemukakan adalah benar dan lengkap. Saya memahami bahawa jika sekiranya maklumat ini didapati palsu atau tidak lengkap, permohonan ini tidak akan dipertimbangkan.**

.....  
Nama : ( )  
Jawatan :  
Tarikh :

**Nota** : \*\* Permohonan hanya akan diproses sekiranya dokumen lengkap diterima.



**PERMOHONAN KELULUSAN DI BAWAH SUBSEKSYEN 44(6) AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967**

**Senarai semak : Tabung Pengurusan Rumah Ibadat bagi Gereja/Tokong/Kuil**

**1. Berhubung dengan Pertubuhan (yang menubuhkan Tabung Pengurusan ini)**

- Sijil Perakuan Pendaftaran Pertubuhan dari Pendaftar Pertubuhan Malaysia;
- Salinan Perlembagaan / Undang-Undang yang telah disahkan oleh Pendaftar Pertubuhan Malaysia;
- Senarai ahli Jawatankuasa Pertubuhan yang menunjukkan nama, alamat, pekerjaan atau perniagaan yang dijalankan dan jawatan yang dipegang dalam Jawatankuasa (sebagaimana format yang dilampirkan);
- Surat Pengesahan daripada Pertubuhan Agama Induk (National Religious Body) seperti Malaysian Buddhist Association, Christian Federation of Malaysia, Malaysia Hindu Sangam, Malaysian Gurdwaras Council atau Federation of Taoist Association Malaysia bahawa TPRI adalah untuk tujuan keagamaan dan ibadat semata-mata dan AJK adalah pihak yang diberi kuasa untuk menguruskan TPRI tersebut;

**2. Berhubung dengan Tabung Pengurusan Rumah Ibadat**

- Ketetapan / minit mesyuarat yang memutuskan penubuhan Tabung Pengurusan dan juga perlantikan ahli-ahli Jawatankuasa tersebut;
- Kaedah-kaedah atau Undang-Undang Kecil (Rules or By-Laws) penubuhan Tabung Pengurusan Rumah Ibadat (sebagaimana format yang dilampirkan);
- Ketetapan / minit mesyuarat yang meluluskan Kaedah-Kaedah atau Undang-Undang Kecil Tabung Pengurusan;
- Senarai ahli-ahli Jawatankuasa Tabung Pengurusan Rumah Ibadat yang menyatakan nama, alamat penuh, nombor kad pengenalan, pekerjaan, nama dan alamat majikan/perniagaan dan jawatan yang dipegang dalam jawatankuasa (sebagaimana format yang dilampirkan);
- Penyata Akaun Bank untuk Tabung Pengurusan Rumah Ibadat (dari mula akaun dibuka sehingga terkini);
- No fail cukai pendapatan di bawah TF : .....
- Surat pengesahan dari jawatankuasa tabung pengurusan mengenai jumlah derma yang telah diterima sehingga sekarang termasuk geran Kerajaan atau lain-lain punca pendapatan (sekiranya ada)
- Saya mengakui bahawa maklumat/dokumen yang dikemukakan adalah benar dan lengkap. Saya memahami bahawa jika sekiranya maklumat ini didapati palsu atau tidak lengkap, permohonan ini tidak akan dipertimbangkan.***

.....  
**Nama** : ( )  
**Jawatan** :  
**Tarikh** :

**Nota** : *Permohonan hanya akan diproses sekiranya dokumen lengkap diterima.*

## CONTOH PERATURAN TABUNG PENGURUSAN RUMAH IBADAT

(nama rumah ibadat)

### 1. PENGENALAN

- 1.1 Tabungwang ini akan dikenali sebagai Tabung Pengurusan Rumah Ibadat .....(nama rumah ibadat)..... (kemudian daripada ini disebut TPRI)
- 1.2 Alamat Rumah Ibadat :  
.....
- 1.3 Nama Ahli Jawatankuasa TPRI dan Jawatan  
  
(seperti di Lampiran AJK)

### 2. OBJEKTIF

Tujuan TPRI ini ditubuhkan ialah:-

- (a) Untuk memohon daripada orang awam sejumlah wang yang diperlukan bagi pengurusan pentadbiran rumah ibadat tersebut.
- (b) Untuk mengumpul wang yang diperlukan, selain daripada yang di atas, permohonan sumbangan wang akan dibuat sama ada terhadap orang-orang perseorangan, Syarikat Swasta, Badan Berkanun Kerajaan dan sebagainya di Malaysia .

### 3. PENGURUSAN

- 3.1 Segala bentuk pengurusan dan pengawalan TPRI ini akan diamanahkan kepada sebuah Jawatankuasa TPRI yang terdiri daripada Pengerusi, Naib Pengerusi, Setiausaha, Penolong Setiausaha, Bendahari dan ..... orang ahli Jawatankuasa.
- 3.2 Pengerusi Jawatankuasa TPRI ..... akan mempengerusikan semua mesyuarat Jawatankuasa TPRI. Dalam masa ketiadaan beliau tempatnya akan digantikan oleh Naib Pengerusi. Pengerusi Jawatankuasa Tabung Pembelian ataupun Naib Pengerusi yang dilantik adalah berhak untuk mengundi, dan sekiranya terdapat jumlah undi yang sama adalah berhak untuk mengundi kali kedua ataupun undian pemutus.
- 3.3 Naib Pengerusi akan membantu Pengerusi dalam segala pengendalian yang diamanahkan kepada Jawatankuasa. Dalam masa ketiadaan Pengerusi, Naib Pengerusi akan mengambil tempatnya.
- 3.4 Setiausaha akan bertanggungjawab memanggil mesyuarat Jawatankuasa, menyediakan agenda, mencatat serta menyimpan minit-minit mesyuarat dan juga surat-menyurat.

- 5.4 Sesalinan Penyata Kewangan TPRI hendaklah dikemukakan setiap tahun ke Jabatan Dasar Percukaian, Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia, Cyberjaya.

## **6. PINDAAN**

Segala pindaan yang hendak dilakukan kepada Undang-Undang Kecil TPRI ini hendaklah terlebih dahulu mendapat persetujuan daripada Ketua Pengarah Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.

## **7. SYARAT-SYARAT TPRI (PENGURUSAN DANA)**

- 7.1 Dana pengurusan yang diterima akan digunakan sepenuhnya bagi maksud ibadat atau kemajuan agama dan terbuka kepada orang ramai untuk tujuan tersebut.
- 7.2 Menjalankan dan menguruskan apa-apa aktiviti berkaitan dengan tempat ibadat atau pengembangan agama.
- 7.3 Pendapatan dan derma yang diperolehi mestilah dibelanjakan setiap tahun untuk menjalankan objektif TPRI.
- 7.4 Dana TPRI tidak boleh digunakan bagi tujuan pembinaan, penambahbaikan atau pengubahsuaian, permohonan hendaklah dibuat secara berasingan .

## **8. TANGGUNGJAWAB AHLI JAWATANKUASA TPRI**

### **8.1 Pengurusan TPRI**

Segala bentuk pengurusan dan pengawalan TPRI ini akan dipertanggungjawabkan kepada AJK.....

### **8.2 Penyediaan Akaun Dan Penyimpanan Rekod**

- (i) AJK hendaklah menyediakan akaun yang berasingan bagi TPRI dan akaun rumah ibadat.
- (ii) AJK hendaklah menyimpan rekod bagi setiap perbelanjaan yang dituntut selama 7 tahun bagi tujuan audit.

## **9. PEMBUBARAN**

- 9.1 TPRI akan dibubarkan setelah proses pembubaran tabung diluluskan oleh KPHDN.

## PERAKUAN AHLI JAWANKUASA

Kami (nama seperti di lampiran AJK) yang dilantik sebagai Ahli Jawatankuasa TPRI (nama rumah ibadat), dengan ini mengaku akan bertanggungjawab sepenuhnya ke atas TPRI ini dengan mematuhi perkara-perkara berikut –

1. Sentiasa memastikan dana TPRI digunakan bagi tujuan-tujuan sebagaimana dinyatakan dalam Peraturan TPRI yang diluluskan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.
2. Sentiasa mematuhi syarat-syarat kelulusan TPRI sebagaimana yang dinyatakan dalam surat kelulusan dan sebarang pindaan syarat kelulusan yang dibuat oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia dari masa ke semasa.

Nama :

No. K/P :

.....  
(Pengerusi)

Nama :

No. K/P :

.....  
(Setiausaha)

Nama :

No. K/P :

.....  
(Bendahari)



